

D382

U B843 AAB
MAHATHIR - DEB R'R'R'

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PENCAPAIAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) MASIH BOLEH DIBANGGAKAN WALAUPUN NEGARA MENGALAMI KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK MEMUASKAN PADA AWAL TAHUN 80-AN.

BELIAU BERKATA BANYAK KEMAJUAN TELAH DICAPAI KE ARAH MATLAMAT DEB UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENGURANGKAN JURANG PERBEZAAN ANTARA KAUM, KHUSUSNYA DARIPADA SEGI PEKERJAAN DAN HAK MILIK HARTA.

KADAR KEMISKINAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA TELAH DAPAT DIKURANGKAN DARIPADA 49 PERATUS PADA 1970 KEPADA 17 PERATUS PADA 1987.

APABILA TAMAT TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) PADA 1990, KEMISKINAN MUTLAK DIJANGKA AKAN TERHAPUS DI SEMENANJUNG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MEMBENTANG LAPORAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RML DI DEWAN RAKYAT.

GARIS KEMISKINAN BAGI 1987 UNTUK SEMANJUNG IALAH PENDAPATAN \$350 SEBULAN SEMENTARA UNTUK SARAWAK \$429 DAN SABAH \$533. -- LAGI.
1655MST 28 06 89

D383

U B845 AAB
MAHATHIR - DEB 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN KERAJAAN TERUTAMA DI LUAR BANDAR TELAH MEMBERI KESAN KE ATAS PENGELUARAN DAN PENDAPATAN GOLONGAN MISKIN SEPERTI PEKEBUN KECIL, PENANAM PADI, NELAYAN DAN PEKERJA ESTET.

LEBIH BANYAK PENDUDUK LUAR BANDAR KINI MENIKMATI KEMUDAHAN ASAS SEPERTI BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK SERTA JALAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENCAPAIAN MATLAMAT KEDUA DEB, IAITU PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT, JUGA BOLEH DIBANGGAKAN DENGAN PENINGKATAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR-SEKTOR INDUSTRI DAN PERNIAGAAN.

PEMILIKAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR KORPORAT TELAH MENINGKAT DARIPADA DUA PERATUS PADA 1970 KEPADA 19 PERATUS PADA TAHUN LEPAS.

KATANYA KEMAJUAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM TAHUN-TAHUN 80-AN INI TIDAK SEBEGITU LANCAR DIBANDINGKAN DENGAN TAHUN 70-AN KERANA KEMEROSOTAN EKONOMI TERUTAMA PADA 1985-86 YANG MEMBANGKITKAN MASALAH PENGANGGURAN DAN KEKURANGAN PERBELANJAAN PELABURAN DALAM SEKTOR AWAM DAN SWASTA.

+APABILA NEGARA DILANDA KEMELESETAN, ADA PIHAK YANG RAGU-RAGU DENGAN KEDUDUKAN DEB DALAM AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA, TERUTAMANYA YANG BERKAITAN DENGAN PENYUSUNAN SEMULA HAK MILIK,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+PERLU DISEDARI BAHAWA DEB BUKAN SEMATA-MATA TERHAD KEPADA BUMIPUTERA SAHAJA DAN ASPEK-ASPEK EKUITI. PENGWUJUDAN PELUANG PEKERJAAN, PENDIDIKAN DAN BANTUAN KEPADA MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH JUGA SEBAHAGIAN DARIPADA MATLAMAT DEB.

+DAN INI DAPAT DITERUSKAN WALAUPUN PEMILIKAN ASET OLEH BUMIPUTERA TERGENDALA DISEBABKAN KEMELESETAN.+ -- LAGI.
1658MST 28 06 89

D384

U B846 AAB
MAHATHIR - DEB 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA TIDAK ADA BUKTI YANG DAPAT MENYOKONG DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA MEKANISME PENYUSUNAN SEMULA TELAH MENJEJASKAN PRESTASI EKONOMI DENGAN MENGURANGKAN PELABURAN SWASTA.

BELIAU JUGA MENOLAK TANGGAPAN BAHAWA KELONGGARAN YANG DIBERI KEPADA PELABUR ASING BERMAKNA DEB DIBELAKANGKAN.

KATANYA DALAM SOAL INI NEGARA MEMPUNYAI DUA PILIHAN, IAITU YANG PERTAMA MENUNGGU SEHINGGA MEMPUNYAI MODAL YANG CUKUP UNTUK MEMBIAYAI EKUITI YANG TELAH DITENTUKAN. JIKA PILIHAN INI DIAMBIL, BANYAK RAKYAT AKAN MENGANGGUR.

YANG KEDUA IALAH MENGURANGKAN PENEKANAN TERHADAP PENYERTAAN EKUITI UNTUK MENARIK PELABURAN ASING DALAM INDUSTRI-INDUSTRI YANG BOLEH MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT. -- BERNAMA.
1659MST 28 06 89